

BAB

III

BAB III

ELEMEN MASYARAKAT DAN KESANNYA KEPADA PERGOLAKAN POLITIK ANDALUS ZAMAN BERGABENOR

3.0 PENDAHULUAN

Daripada tempoh keberangkatan pulang Mūsā bin Nusayr ke Damsyik pada tahun 95H/714M sehinggalah tahun 138H/756M, seramai 21 orang Gabenor telah dilantik untuk memerintah Andalus atas nama Khalīfah di Damsyik atau Gabenor Afrika Utara. Perlantikan ini dibuat menurut cara-cara berikut:

- i) Perlantikan oleh pemerintah sebelumnya seperti contohnya ‘Abdulazīz sendiri selaku Gabenor yang pertama hasil perlantikan oleh ayahandanya, Mūsā bin Nusayr.
- ii) Perlantikan secara terus oleh Khalīfah sendiri seperti contohnya al-Samh b. Mālik al-Khawlanī yang dilantik oleh Khalīfah ‘Umar ‘Abdil‘azīz
- iii) Perlantikan oleh Gabenor Afrika Utara seperti perlantikan al-Hurr b. ‘Abdilrahmān al-Thaqafī, ‘Anbasa b. Suhaym al-Kalbī, Yahyā b. Salama al-Kalbī, Hudhayfah b. al-Ahwas al-Ashja‘ī, ‘Uthmān b. Abī Nis‘ā al-Khath‘amī, al-Haytham b. ‘Ubayd al-Kinānī dan ‘Uqbah b. al-Hajjāj al-Salūlī.
- iv) Perlantikan oleh penduduk Andalus sendiri. Ia dibuat sama ada melalui:
 - a) Perlantikan oleh kumpulan tertentu seperti perlantikan Balj b. Bishr, Tha‘laba b. Salāma al-‘Āmilī dan Thawāba b. Salāma al-Judhāmī yang dibuat oleh orang-orang Syria.
 - b) Perlantikan oleh majoriti orang-orang Islam di Andalus seperti Ayyūb b. Habīb al-Lakhmī, ‘Abdulrahmān al-Ghāfiqī (pada peringkat awal

perlantikannya), ‘Udhra bin ‘Abdillāh al-Fihri, Muhammad b. ‘Abdillāh al-Ashja’i dan Yūsuf b. ‘Abdilrahmān al-Fihri.

Pada peringkat awalnya, kecenderungan pemerintah Banī Umayyah ialah untuk meletakkan pemerintahan Andalus di bawah pemerintahan Afrika Utara. Dengan ini, perlantikan Gabenor bagi Andalus adalah dengan sendirinya tertakluk kepada pemilihan oleh Gabenor Afrika Utara. Selain daripada itu, semua pendapatan yang dapat dikutip di Andalus adalah disalurkan kepada Baitul Mal di Afrika Utara. Hal ini ditentang hebat oleh penduduk-penduduk Islam di Andalus.¹⁶⁰ Situasi ini walau bagaimanapun mula berubah setelah ‘Umar ‘Abdil‘azīz dilantik menjadi Khalīfah. Khalīfah ‘Umar ‘Abdil‘azīz berhasrat untuk memisahkan pentabiran Andalus dan Afrika Utara bagi menjaga kebajikan penduduk-penduduk Andalus. Pemisahan ini memungkinkan penduduk Andalus menggunakan segala hasil negara mereka untuk kepentingan dan pembangunan negara mereka sendiri. Walau bagaimanapun, perubahan ini tidak lama. Setelah Khalīfah ‘Umar ‘Abdil‘azīz mangkat, berlaku perebutan di antara pemerintah Banī Umayyah dan Gabenor Afrika Utara serta penduduk-penduduk Andalus bagi melantik gabenor Andalus. Keadaan ini telah mencetuskan sedikit ketegangan politik pada waktu itu.

Dari aspek perbincangan mengenai elemen masyarakat dan kesannya kepada politik Andalus, kita dapat melihatnya daripada beberapa aspek penting iaitu:

¹⁶⁰ ‘Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h.183-185.

- i)Penguasaan golongan Arab *al- Baladīyyūn*
- ii)Pemberontakan Barbar dan kemasukan orang-orang Arab *al- Syāmīyyūn*
- iii)Konflik antara orang-orang Arab *al- Baladīyyūn* dan *al- Syāmīyyūn*

3.1 PENGUASAAN GOLONGAN ARAB *AL- BALADĪYYŪN*

Sejak dari awal penaklukan, penekanan utama pemerintah Islam ialah bagi mengukuhkan kedudukan dan kekuatan orang-orang Arab di Andalus. Ini adalah amat penting kerana jumlah keseluruhan orang-orang Arab dan Barbar di Andalus pada ketika itu hanyalah dalam lingkungan 150,000 hingga 200,000 orang kesemuanya. Jika diperhatikan jumlah ini adalah lebih kecil jika dibandingkan dengan bilangan penduduk asal Andalus itu sendiri.¹⁶¹

Penguasaan golongan Arab *al-Baladīyyūn* di Andalus bermula selepas pengunduran Mūsā bin Nusayr pada tahun 714M hinggalah terlantiknya Balj b. Bishr al-Qusyairī pada tahun 741M. Sekali pandang, zaman ini merupakan zaman yang agak “mengelirukan” dengan perlantikan seorang demi seorang Gabenor yang memerintah hanya dalam jangka masa yang pendek kecuali ‘Anbasa b. Suhaym al-Kalbī yang memerintah dalam jangka masa yang agak lama berbanding dengan yang lainnya.¹⁶²

¹⁶¹ Richard Fletcher(1992), *Moorish Spain*. New York : Henry Holt and Company, h. 25.

¹⁶² Hugh Kennedy(1996), *Muslim Spain and Portugal A Political History of al-Andalus*. London and New York : Longman,h.18.

Tempoh penguasaan orang-orang Arab *al-Baladīyyūn* bertahan selama hampir 28 tahun iaitu selama pemerintahan 16 orang Gabenor di Andalus. Zaman ini bermula dengan perlantikan Gabenor ‘Abdul‘azīz iaitu anak kepada Mūsā bin Nusayr sendiri. ‘Abdul‘azīz dikelilingi oleh ramai pemimpin-pemimpin Arab daripada suku yang berbeza. Antaranya ialah Habīb b. Abī ‘Ubayda al-Fihri, Ziyād b. al-Nābigha al-Tamīmī dan Ziyād b. ‘Udhra al-Balawī. Sepertimana yang telah dibincangkan sebelumnya, pemimpin-pemimpin Arab ini mempunyai sekutu mereka sendiri daripada kalangan orang-orang Barbar. Oleh itu, Dr. ‘Abdulwāhid Dhanūn Tāha berpendapat bahawa kekuasaan sebenar Andalus adalah terletak di bawah orang-orang Arab dan Barbar ini walaupun pada hakikatnya ‘Abdul‘azīz telah dilantik sebagai Gabenor baru Andalus.¹⁶³

‘Abdul‘azīz merupakan seorang pemimpin yang cukup bertoleransi khususnya apabila berurusan dengan penduduk asal Andalus. Antara bukti yang ada bagi menyokong kenyataan tersebut ialah adanya perjanjian yang dimeterai di antara ‘Abdul‘azīz dengan Theodimir, Gabenor Murcia yang dilantik oleh kerajaan Goth. Menyedari hakikat bahawa kedudukan beliau masih belum kukuh, ‘Abdul‘azīz mengambil keputusan untuk mengamalkan dasar terbaik-baik dengan penduduk Kristian. Walau bagaimanapun, tindakan ini pada pandangan orang-orang Arab dan Barbar pada ketika itu adalah sesuatu tidak wajar. Selain meragui keputusan ‘Abdul‘azīz, orang-orang Arab dan Barbar turut merasa tidak berpuas hati terhadap

¹⁶³ ‘Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h.184 -185.

tindakan 'Abdul'azīz mengahwini Egilo, balu kepada Roderick.¹⁶⁴ 'Abdul'azīz hanya sempat memerintah selama dua tahun sahaja kerana beliau dibunuh oleh tenteranya sendiri atas alasan lebih memuliakan orang-orang Kristian daripada orang-orang Islam.¹⁶⁵ Sumber-sumber yang ada menyatakan bahawa rancangan untuk menghapuskan 'Abdul'azīz dilaksanakan oleh orang-orang Arab. Walau bagaimanapun, Dr. 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha berpendapat bahawa ada kemungkinannya orang-orang Barbar turut terlibat di dalam perancangan ini.¹⁶⁶

Selepas kematian 'Abdul'azīz, penduduk-penduduk Andalus mengambil masa beberapa bulan untuk melantik pengganti beliau. Akhirnya, Ayyūb bin Habīb al-Lakhmī dilantik sebagai Gabenor yang baru. Menurut Ibn al-Qūtiyyah, perantikan ini dibuat oleh orang-orang Barbar.¹⁶⁷ Ibn 'Idhārī pula menjelaskan bahawa Ayyūb bin Habīb al-Lakhmī pada asalnya hanyalah dilantik sebagai imam bagi mengetuai sembahyang. Tindakan melantik beliau sebagai Gabenor menunjukkan kecenderungan orang-orang Barbar dan juga Arab untuk terus menguasai kawasan yang mereka duduki. Ini adalah kerana beliau tidak mempunyai pengaruh dan kuasa

¹⁶⁴ Antara khabar angin yang ada pada ketika itu ialah Egilo memujuk 'Abdul'azīz untuk memakai mahkota sebagaimana pemerintah-pemerintah Goth yang terdahulu. Egilo dikatakan turut mengarahkan agar dibina pintu yang agak rendah di hadapan singgahsana 'Abdul'azīz. Dengan ini, sesiapa sahaja yang melaluinya perlu menundukkan diri di hadapan 'Abdul'azīz. Menurut kebanyakan sarjana, tindakan yang agak bertentangan dengan Islam ini telah menjadi faktor berlakunya pembunuhan 'Abdul'azīz.

¹⁶⁵ *Chronicle of 754* turut mencatatkan bahawa antara faktor pembunuhan 'Abdul'azīz ialah kerana beliau mengambil kekayaan Seville untuk kepentingan dirinya sendiri. Selain itu, beliau turut dikatakan membuat percubaan untuk memerintah sendiri.

¹⁶⁶ *Ibid.*, h. 185-186

¹⁶⁷ Ibn. Qūtiyyah(1989), *Tārīkh Ifīrāh al-Andalus*. Ismā'īl 'Arabī (ed.), Algeria : al-Mu'assasah al-Wataniah lil Kitāb, h. 25

yang cukup besar hingga mampu mempengaruhi dan mempersoalkan pemilikan tanah oleh orang-orang Barbar dan Arab *Baladī*.¹⁶⁸

Perlantikan Ayyūb bin Habīb al-Lakhmī sebagai Gabenor baru Andalus tidak mendapat persetujuan Gabenor di Afrika Utara pada ketika itu.¹⁶⁹ Tindakan yang dibuat ini antara lainnya memberikan indikasi bahawa terdapat percubaan oleh penduduk Andalus untuk membuat keputusan sendiri tanpa merujuk kepada Afrika Utara mahupun Khalifah di Damsyik. Menurut Dr. 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha, hasrat untuk bebas daripada kongkongan Afrika Utara mahupun Damsyik ini menunjukkan bahawa terdapatnya keinginan untuk menguasai hasil kekayaan bumi Andalus di kalangan tentera-tentera penakluk tanpa campur tangan mana-mana pihak.¹⁷⁰

Hasrat untuk memerintah sendiri Andalus ini tidak begitu dipersetujui oleh Khalifah Sulaymān b. 'Abdulmālik yang menganggap bahawa Andalus merupakan sebahagian daripada Afrika Utara. Kuasa yang diberikan oleh Khalifah kepada Gabenor Afrika Utara ini digunakan sebaiknya oleh Gabenor Afrika Utara pada ketika itu iaitu Muhammad b. Yazīd. Beliau melantik al-Hurr b. 'Abdilrahmān al-Thaqafī selaku Gabenor yang baru¹⁷¹ bagi menggantikan Ayyūb b. Habīb al-Lakhmī yang hanya memerintah selama enam bulan sahaja. Menurut *Chronicle of 754*, tugas utama al-Hurr ialah menyusun kembali struktur pentadbiran di samping memastikan

¹⁶⁸ Ibn. 'Idhārī (1948), *Al-Bayān al-Mughrib fī akhbār al-Andalusī wa al-Maghrib*. v. 2. Leiden : Brill, h. 25.

¹⁶⁹ Dusuki Ahmad(1974), *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 328-329.

¹⁷⁰ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h.186

¹⁷¹ Ibn. Qūtiyyah(1989), *Tārīkh Ifṭīḥ al-Andalus*. Ismā'īl 'Arabī (ed.), Algeria : al-Mu'assasah al-Wataniah lil Kitāb, h.25

keamanan dapat dicapai di Andalus. Tindakan ini adalah perlu bagi memastikan orang-orang Kristian akan membayar cukai sebagaimana sepatutnya. Setelah dilantik, al-Hurr berangkat ke Andalus dan tiba di Cordova bersama-sama 400 pengikutnya daripada Afrika Utara. Al-Hurr memegang jawatan sebagai Gabenor selama dua tahun lapan bulan sahaja. Tidak banyak yang diketahui mengenai pencapaian beliau pada ketika itu melainkan usaha beliau untuk memperbaiki keadaan tidak begitu berjaya kerana penduduk Andalus secara berterusan menuntut agar Andalus diperintah secara berasingan daripada Afrika Utara.¹⁷²

Selepas terlantiknya Khalifah yang baru iaitu 'Umar b. 'Abdil'aziz, berlaku perubahan yang cukup besar di Andalus. Buat pertama kalinya, Gabenor adalah dilantik secara terus oleh Khalifah. Dengan ini, Andalus mula diperintah secara bersendirian tanpa perlu bergantung kepada pemerintahan Afrika Utara. Dengan ini, kuasa diberikan kepada Gabenor yang baru dilantik iaitu al-Samh b. Mālik al-Khawlānī bagi menggunakan wang pendapatan yang dikutip untuk pembangunan Andalus.¹⁷³ Al-Samh juga dipertanggungjawabkan untuk meneruskan pembahagian tanah-tanah di Andalus di samping memastikan pembayaran cukai di Andalus berjalan dengan lancar.¹⁷⁴ Selain itu, beliau turut ditugaskan oleh Khalifah 'Umar 'Abdil'aziz untuk memberikan deskripsi yang jelas mengenai kedudukan gunung-ganang, sungai dan laut Andalus. Tujuan utama arahan ini diberikan ialah bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat mengenai kedudukan geografi Andalus

¹⁷² 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *op. cit.*, h.186-187

¹⁷³ *Ibid.*, hal. 188

¹⁷⁴ Majhūl Mu'allaf (1989), *Akhbār Majmu'ah*. Ismā'il 'Arabī (ed.), Algeria: al-Mu'assasah al-Wataniah lil Kitāb, h.106.

bagi tujuan menganggarkan bahaya yang mungkin dihadapi oleh penduduk-penduduk Islam Andalus. Tindakan ini adalah perlu memandangkan kedudukan Andalus adalah jauh daripada kerajaan pusat.¹⁷⁵

Penduduk Islam yang datang lebih awal bukan sahaja enggan memberikan kerjasama kepada al-Samh malah turut enggan membahagikan tanah-tanah atau tinggal bersama-sama pengikut al-Samh. Setelah aduan disampaikan kepada Khalifah, tindakan mula diambil oleh Khalifah 'Umar 'Abdil'azīz dengan cara memberikan penempatan kepada pengikut al-Samh di tanah-tanah yang diperuntukkan untuk Khalifah.

Sewaktu kewafatan Khalifah 'Umar 'Abdul'azīz, pergolakan dan ketegangan kaum di Andalus masih belum reda. Al-Samh sendiri tidak mampu memenuhi setiap permintaan yang diajukan kepadanya. Dengan kewafatan Khalifah 'Umar 'Abdul'azīz, arahan bagi menghalang sebarang ekspedisi ketenteraan mula ditarik kembali. Al-Samh kemudiannya mula melancarkan beberapa siri ekspedisi ke Perancis. Dalam satu pertempuran di Toulouse, al-Samh dan beberapa pengikutnya terbunuh manakala tentera selebihnya mengundurkan diri di bawah pimpinan 'Abdulrahmān b. 'Abdillāh al-Ghāfiqī.¹⁷⁶

¹⁷⁵ Al-Maqqarī (1984), *The History of the Mohammedian Dynasties in Spain*. Pascual de Gayangos (terj.), j.2. Delhi, India : Idārah Adabiyāt Dellī, h. 32

¹⁷⁶ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h.188

Kekosongan jawatan Gabenor mula memberikan peluang kepada pendatang-pendatang awal Andalus untuk melantik Gabenor dari kalangan mereka bagi memastikan penguasaan mereka ke atas Andalus terjamin. Dengan itu, mereka melantik 'Abdulrahmān b. 'Abdillāh al-Ghāfiqī sebagai Gabenor mereka yang baru. Pada masa yang sama, Gabenor Afrika Utara yang baru iaitu Bishr b. Safwān telah berjaya mendapatkan kembali penguasaan ke atas Andalus dan mendesak agar Andalus terus digabungkan dengan Afrika Utara. Seterusnya, beliau menggantikan 'Abdulrahmān b. 'Abdillāh al-Ghāfiqī dengan 'Anbasa b. Suhaym al-Kalbī yang tiba di Andalus pada Safar 103H/ Ogos 721M.

Zaman pemerintahan 'Anbasa b. Suhaym al-Kalbī menyaksikan penentangan orang-orang Kristian di bawah pimpinan Pelagius di Asturias. Menurut al-Maqqarī, Pelagius berjaya melarikan diri dari Cordova pada tahun 98H/ 717M sewaktu pemerintahan al-Hurr b. al-Thaqafi. Percubaan Manūsa, pemimpin Barbar di Asturias pada ketika itu, untuk mengejar Pelagius menemui kegagalan apabila beliau melarikan diri ke kawasan pergunungan. Pelagius kemudiannya mengumpulkan seramai mungkin penyokongnya hinggalah akhirnya mereka menjadi ancaman yang besar kepada kerajaan Islam Andalus. Keadaan ini mendesak 'Anbasa b. Suhaym al-Kalbī untuk mengarahkan Gabenor Narbonne iaitu 'Abdulrahmān b. 'Alqama al-Lakhmī bagi melancarkan serangan ke atas Pelagius. Ekspedisi ini walau bagaimanapun menemui kegagalan dengan kematian 'Abdulrahmān b. 'Alqama al-Lakhmī dan ramai tentera Islam yang lainnya. Selepas kemenangan ini, Pelagius terus menguasai kawasan tersebut hinggalah beliau meninggal dunia pada 119 H/737 M.

Menurut Ibn al-Qūtiyyah, Ibn Hayyān dan Ibn ‘Idhārī, ‘Anbasa b. Suhaym al-Kalbī meninggal dunia pada bulan Safar 107 H/ Januari 726M. Penduduk Islam Andalus kemudiannya melantik ‘Udhra b. ‘Abdillāh al-Fihrī sebagai Gabenor yang baru. Walau bagaimanapun, perlantikan ini hanyalah untuk tempoh yang sementara kerana ia tidak dipersetujui oleh Gabenor Afrika. Walaupun perlantikan ni hanyalah sementara, ia adalah penting bagi membuktikan wujudnya usaha berterusan oleh orang-orang Islam di Andalus untuk memerintah sendiri Andalus.¹⁷⁷

Gabenor Afrika Utara kemudiannya melantik Yahyā b. Salāma al-Kalbī selaku Gabenor Andalus yang baru. Menurut Ibn. Khaldūn, Yahyā b. Salāma al-Kalbī merupakan Gabenor pertama Andalus yang dilantik oleh Gabenor Afrika Utara. Tambah Ibn. Khaldūn lagi, bermula saat itulah Gabenor-Gabenor Andalus mula dilantik oleh Gabenor Afrika Utara.¹⁷⁸ Selepas pemerintahan Yahyā b. Salāma al-Kalbī, tiga orang Gabenor lagi turut dilantik oleh Gabenor Afrika Utara iaitu Hudhayfa b. al-Ahwas al-Ashja‘ī, ‘Uthmān b. Abī Nis‘a al-Khatha‘mī dan al-Haytham b. ‘Ubayd al-Kinānī.¹⁷⁹ Di antara Gabenor-Gabenor ini, Yahyā b. Salāma al-Kalbī dan al-Haytham b. ‘Ubayd al-Kinānī dikatakan memberikan tentangan yang cukup hebat kepada orang-orang Arab *Baladī*. Yahyā misalnya membuat tindakan drastik dengan memaksa orang-orang Arab dan Barbar untuk menyerahkan kembali segala yang mereka perolehi daripada penduduk tempatan. Al-Haytham pula

¹⁷⁷ *Ibid.*, hal. 189

¹⁷⁸ al-Maḡarrī (1984), *op. cit.*, h. 36

¹⁷⁹ Majhūl Mu‘allaf (1989), *Akhbār Majmu‘ah*. Ismā‘īl ‘Arabī (ed.), Algeria: al-Mu‘assasah al-Wataniah lil Kitāb, h. 106-107

mengambil tindakan dengan mendakwa ramai daripada orang-orang Arab yang kaya raya atas tuduhan percubaan memberontak dan menghukum mereka dengan hukuman bunuh atau dibuang negeri. Menurut Dr. ‘Abdulwāhid Dhanūn Tāha, polisi kedua-dua Gabenor ini membuktikan hasrat sebenar kerajaan pusat dan Afrika Utara untuk mengawal golongan Arab *Baladī* dan meningkatkan hasil pendapatan Andalus untuk disalurkan kepada kerajaan pusat dan Afrika Utara.

Al-Haytham meninggal dunia pada bulan Zulkaedah tahun 111H/ Februari 713M setelah memerintah selama 10 bulan. Beliau digantikan oleh Muhammad b. ‘Abdillāh al-Ashja‘ī yang dipilih oleh penduduk Andalus. Tindakan melantik Gabenor oleh penduduk Andalus ini sekali lagi mencerminkan hasrat sebenar mereka untuk memerintah sendiri Andalus. Walau bagaimanapun, perlantikan ini tidak dipersetujui oleh Gabenor Afrika Utara pada ketika itu iaitu ‘Ubaydah b. ‘Abdirahmān al-Sulamī. Bagi mengelakkan tentangan daripada orang-orang Arab *Baladī*, ‘Ubaydah b. ‘Abdirahmān al-Sulamī melantik Gabenor yang baru dari kalangan mereka. Dengan itu, terlantiklah ‘Abdirahmān al-Ghāfiqī sebagai gabenor Andalus yang baru pada 112H/ 730M. Perlantikan ‘Abdirahmān al-Ghāfiqī ini, walau bagaimanapun, telah memburukkan lagi hubungan di antara Afrika Utara dengan Andalus. ‘Abdirahmān al-Ghāfiqī bercita-cita untuk memisahkan Andalus daripada pengaruh Afrika Utara. Terdapat banyak bukti yang menyokong kenyataan tersebut. Antaranya ialah tindakan ‘Abdirahmān al-Ghāfiqī mengabaikan arahan

Gabenor Afrika Utara bagi menghantar 1/5 bahagian (*al-khums*) ke Afrika Utara sebagaimana sepatutnya setelah berjaya dalam ekspedisi ketenteraan di Perancis.¹⁸⁰

Selepas kematian 'Abdulrahmān al-Ghafiqi dalam satu ekspedisi di Perancis, Gabenor Afrika Utara melantik 'Abdulmālik b. Qatan al-Fihri sebagai Gabenor yang baru. Menurut Ibn 'Idhārī, perantikan ini dibuat dalam bulan Ramadhan @ Syawal 114H / Oktober @ November 732H.¹⁸¹ Al-Maqqarī menyatakan bahawa 'Abdulmālik b. Qatan al-Fihri merupakan seorang pemimpin yang tidak adil dalam pemerintahan. Walau bagaimanapun, beliau tidak memberikan penjelasan tentang kenyataan ini. Menurut *The Chronicle of 754*, Andalus mengalami kemunduran di zaman 'Abdulmālik yang dikatakan tidak efisien dan banyak bertindak mengikut perasaan tamak haloba. Tindakan 'Abdulmālik banyak dihalakan kepada penduduk-penduduk asal Andalus di mana banyak daripada harta mereka telah dirampas. Kegiatan rasuah turut berleluasa dan wang perbendaharaan hampir kosong menyebabkan tiada wang yang dapat disalurkan ke Afrika Utara. Kelemahan-kelemahan ini akhirnya mendorong kepada pemecatan beliau oleh Gabenor Afrika Utara.¹⁸²

Selepas pemecatan 'Abdulmālik, Gabenor Afrika Utara yang baru iaitu 'Ubaydullāh b. al-Habhāb al-Salūlī telah melantik Uqbah b. al-Hajjāj al-Salūlī sebagai Gabenor Andalus yang baru. Perantikan ini adalah dibuat bagi menyusun

¹⁸⁰ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h.190-191

¹⁸¹ Ibn. 'Idhārī (1948), *al-Bayān al-Mughrib ft akhbār al-Andalus wa al-Maghrib*. v. 1. Leiden : Brill, h. 28.

¹⁸² 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha, *op. cit.*, hal. 194

kembali pentadbiran dan memastikan penyatuan di antara Andalus dan Afrika Utara dari segi pemerintahan. Penulis kitab *Fath al-Andalus* merekodkan pembaharuan yang dibuat oleh 'Uqbah dari segi pembayaran cukai tanah (*al-Kharāj*). Walau bagaimanapun, tiada keterangan lanjut diberikan oleh penulis terbabit. Menurut *The chronicle of 754*, Uqbah b. al-Hajjāj al-Salūlī membuat banyak perubahan bagi memastikan keamanan dapat dicapai. Beliau memastikan undang-undang dipatuhi oleh semua rakyat Andalus dan mengarahkan agar pembayaran cukai berjalan lancar. Mereka yang didapati bersalah dikenakan hukuman yang sewajarnya mengikut proses undang-undang. Beliau turut menambahkan wang dalam perbendaharaan melalui banyak sumber dan menghentikan sebarang bentuk rasuah di Andalus. Setelah berjaya menstabilkan keadaan di Andalus, 'Uqbah mula menumpukan perhatian kepada kegiatan penaklukan terutamanya di Utara Andalus dan Selatan Perancis. Dalam hal ini, kedua-dua sumber Arab dan Kristian mengakui bahawa Uqbah b. al-Hajjāj al-Salūlī merupakan salah seorang pemimpin Islam yang hebat dalam kempen-kempen ketenteraannya. Di Sepanyol, beliau berjaya menawan kawasan-kawasan yang tidak berjaya ditawan sebelum ini seperti Pamplona, Galicia dan Asturias.¹⁸³

Uqbah b. al-Hajjāj al-Salūlī, menurut sumber-sumber Arab, mempunyai cita-cita tinggi untuk menyebarkan Islam. Setiap orang Kristian yang ditangkap cuba diislamkan oleh beliau dengan berbagai cara. Dengan cara ini, beliau dapat mengislamkan seramai 2000 orang Kristian. Sumber yang ada tidak bersependapat mengenai tarikh tamatnya pemerintahan Uqbah b. al-Hajjāj al-Salūlī. Ada sumber

¹⁸³ *Ibid.*, h. 195-196

yang menyatakan bahawa beliau meninggal dunia sebelum menyerahkan pemerintahan kepada 'Abdulmālik b. Qatan al-Fihri. Sumber yang lain pula menyatakan bahawa Uqbah b. al-Hajjāj al-Salūlī diturunkan jawatan oleh 'Abdulmālik b. Qatan al-Fihri setelah mendengar berita mengenai pemberontakan Barbar dan kekalahan orang-orang Arab di Afrika Utara. Menurut Dr. 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha, pendapat kedua adalah lebih menyakinkan. Jika diperhatikan, pendatang awal Arab telah menikmati kekayaan selama 28 tahun tanpa membayar apa-apa cukai kepada kerajaan pusat. Perubahan yang dibuat oleh Uqbah b. al-Hajjāj al-Salūlī terutamanya yang berkaitan dengan pembayaran cukai dilihat oleh pendatang awal sebagai satu kerugian bagi mereka. Oleh itu, mereka menurunkan Uqbah b. al-Hajjāj al-Salūlī dan menaikkan pemimpin daripada kalangan mereka sendiri iaitu 'Abdulmālik bin Qatan¹⁸⁴

'Abdulmālik bin Qatan terus memerintah Andalus sehinggalah kemasukan Balj bin Bishr ke Andalus selepas dikalahkan oleh pemberontak Barbar di Afrika Utara. Balj bin Bishr kemudiannya mengisytiharkan peperangan terhadap 'Abdulmālik bin Qatan. Peperangan tersebut berakhir dengan kematian 'Abdulmālik bin Qatan. Mayat beliau kemudiannya disalib di kawasan yang dikenali sebagai *Masslab Ibn Qatan*. Kematian 'Abdulmālik bin Qatan telah menamatkan penguasaan pendatang-pendatang Arab awal di Andalus dan membuka lembaran baru dalam sejarah Andalus itu sendiri.¹⁸⁵ Dalam tempoh penguasaan orang-orang Arab *al-*

¹⁸⁴ *Ibid.*, h. 196-197

¹⁸⁵ Al-Maqqarī (1984), *The History of the Mohammedan Dynasties in Spain*. Pascual de Gayangos (terj.), j.2. Delhi, India : Idārah Adabiyāt Delli, h.38-39

Baladīyyūn ini kita dapat melihat tumpuan utama beberapa Gabenor dalam menambahkan kekayaan dan harta yang sedia ada dengan menyerang kawasan-kawasan di Perancis. Dalam usaha ke arah itu, penumpuan kurang diberikan kepada kawasan-kawasan yang telah ditakluki terutamanya di kawasan Utara Andalus hingga memungkinkan orang-orang Kristian mengumpulkan kekuatan mereka bagi menentang orang-orang Islam. Walaupun ada usaha penentangan oleh orang-orang Kristian namun secara amnya zaman awal pemerintahan Islam di Andalus memperlihatkan keadaan aman tanpa pergolakan dalaman dan pemberontakan sebagaimana zaman-zaman selepasnya. Hal ini adalah disebabkan tiadanya sebarang perebutan di kalangan orang-orang Arab *al- Baladīyyūn* dalam memegang jawatan Gabenor pada ketika itu.¹⁸⁶

Jka dilihat dari aspek lain, tekanan-tekanan yang diterima oleh orang-orang Barbar sebelum ini telah akhirnya mencetuskan pemberontakan yang kemudiannya membuka ruang kepada kemasukan tentera-tentera Syria ke Andalus. Ini akhirnya telah mencetuskan permusuhan baru sesama orang Arab iaitu di antara orang-orang Arab *al- Baladīyyūn* dan *al- Syāmīyyūn* sebagaimana yang akan penulis cuba bincangkan nanti.

¹⁸⁶ Hugh Kennedy(1996), *Muslim Spain and Portugal A Political History of al-Andalus*. London and New York : Longman,h.18-19

3.2 PEMBERONTAKAN BARBAR

Pemberontakan oleh orang-orang Barbar di Afrika Utara pada hakikatnya turut memberikan kesan kepada hal ehwal Andalus secara langsung mahupun tidak langsung. Bagi memahami tentang pemberontakan orang-orang Barbar di Andalus, penulis merasakan adalah perlu difahami pemberontakan di Afrika Utara terlebih dahulu. Ini adalah perlu bagi mendapatkan gambaran kasar tentang permasalahan yang dihadapi oleh orang-orang Barbar hinggalah akhirnya mereka bertindak mencetuskan pemberontakan.

Pemberontakan orang-orang Barbar di Afrika Utara sebenarnya mengambil masa yang agak lama untuk dicituskan. Pada peringkat awalnya, orang Arab cuba mengasimilasikan orang-orang Arab dan Barbar. Orang-orang Barbar yang memeluk Islam dalam bilangan yang ramai telah diberikan layanan yang sama seperti orang Arab. Tindakan ini diambil pada ketika itu kerana orang-orang Arab menyedari tentang pentingnya sokongan dan penglibatan orang-orang Barbar bagi meneruskan penaklukan Afrika Utara dan Andalus Walau bagaimanapun, layanan yang baik terhadap orang-orang Barbar ini tidak lama. Selepas selesainya penaklukan, orang-orang Arab mula mengubah layanan mereka terhadap orang-orang Barbar. Dengan kata lain, apabila orang-orang Barbar telah selesai memainkan peranan sebagaimana yang diperlukan, pemerintahan kerajaan Banī Umayyah cuba untuk menghentikan asimilasi dan mula mewujudkan jurang di antara orang-orang Arab dan Barbar. Hal ini mula dapat dilihat di akhir pemerintahan al-Walīd hinggalah sewaktu pemerintahan Sulaymān.

Walau bagaimanapun, untuk seketika, keadaan ini mula berubah setelah 'Umar 'Abdil'aziz dilantik menjadi Khalifah. Beliau cuba untuk mengasimilasikan orang-orang Arab dan Barbar dengan menggunakan pendekatan yang sederhana. Beliau yakin bahawa proses ini amat penting untuk kestabilan kerajaan dan juga penyebaran Islam. Tindakan ini terbukti berkesan kerana banyak bukti telah menunjukkan bahawa bilangan orang-orang Barbar yang memeluk Islam telah bertambah pada zaman pemerintahan beliau.¹⁸⁷

Walau bagaimanapun, perubahan ini hanyalah bersifat sementara kerana pemerintahan 'Umar 'Abdil'aziz tidak lama. Yazid II yang menggantikan beliau lebih gemar mengamalkan dasar perluasan wilayah. Tindakan beliau ini disokong oleh suku Qays yang pada dasarnya enggan berkongsi kelebihan yang ada dengan orang-orang bukan Arab. Di samping itu mereka turut menentang asimilasi di antara orang-orang Arab dengan bukan Arab.¹⁸⁸ Apabila Yazid bin Abi Muslim dilantik sebagai Gabenor Afrika Utara yang baru, beliau turut memberikan layanan yang buruk terhadap orang-orang Barbar. Tindakan ini akhirnya menyebabkan beliau dibunuh oleh pengawalnya yang berbangsa Barbar.¹⁸⁹

¹⁸⁷ Ibn. 'Idhāri (1948), *Al-Bayān al-Mughrib fi akhbār al-Andalus wa al-Maghrib*, v. 1. Leiden : Brill, h. 48.

¹⁸⁸ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h.198

¹⁸⁹ Menurut sumber-sumber Arab, Yazid bercita-cita untuk memberikan tatu kepada orang-orang Barbar sebagai tanda mereka. Selain itu, beliau turut dikatakan bercadang untuk menjadikan orang-orang Barbar sebagai hamba dan menghantar mereka bersama-sama 1/5 bahagian harta ke Baitul Mal. Inilah faktor yang dikatakan menjadi pendorong pembunuhan beliau. Walaupun begitu, menurut Dr. 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha, faktor kedua ini adalah mustahil kerana adalah tidak mungkin Yazid dapat membuat perancangan ini dalam hanya jangkamasa sebulan pemerintahannya.

Sewaktu pemerintahan Khalifah Hishām bin ‘Abdilmālik, keadaan orang Barbar menjadi semakin buruk. Gabenor telah menaikkan cukai ke atas orang-orang Barbar untuk menampung perbelanjaan operasi tentera laut di Mediteranean. Menurut al-Tabarī, inilah faktor utama yang mencetuskan pemberontakan orang-orang Barbar di Afrika Utara. Kenyataan ini turut disokong oleh Hugh Kennedy dalam bukunya *Muslim Spain and Portugal, A Political History of al-Andalus*. Menurut beliau, Gabenor Mesir pada ketika itu iaitu ‘Ubaydullāh b. al-Habhāb cuba mengenakan kembali cukai *Kharāj* terhadap orang-orang Barbar bagi memenuhi keperluan perbelanjaan tentera-tentera Syria yang menjadi tulang belakang Khalifah. Ini menambahkan lagi kemarahan orang-orang Barbar hingga mendorong sesetengah orang-orang Barbar menentang pemerintahan Umayyah secara terang-terangan dan enggan membayar cukai.¹⁹⁰

Selain itu, Gabenor Afrika Utara turut enggan memberikan bahagian orang-orang Barbar dalam harta rampasan perang. Ini mengundang kemarahan orang-orang Barbar kerana mereka sentiasa diletakkan di bahagian hadapan dalam mana-mana peperangan. Tindakan Gabenor ini seolah tidak mengiktiraf peranan yang telah dimainkan oleh orang-orang Barbar. Selain itu, tindakan Gabenor Tangier iaitu ‘Umar bin ‘Abdillāh al-Murādi turut menyumbang kepada pemberontakan tersebut. Beliau telah menggunakan duit Baitul Mal termasuklah zakat sesuka hati.

¹⁹⁰ Hugh Kennedy(1996), *Muslim Spain and Portugal A Political History of al-Andalus*. London and New York : Longman,h.23

Menurut pengarang *Akhhār Majmū'ah*, layanan buruk Gabenor bukanlah merupakan faktor utama yang mencetuskan pemberontakan tersebut. Walau bagaimanapun, yang pastinya, tindakan memberontak dibuat berdasarkan wujudnya rasa tidak puas hati di kalangan orang-orang Barbar. Dalam pemberontakan tersebut, ramai puak Barbar turut terlibat terutamanya dari keturunan Butr dan Barānis termasuklah Mitghara, Zanāta, Barghuwāta, Hawwāra, Maghīla dan Madūna. Sejarawan Arab pula hampir sebulat suara bersetuju mengatakan bahawa pemberontakan ini didalangi oleh puak Khawārij dari mazhab Ibādiyya dan Suffariyya¹⁹¹. Menurut Philip K. Hitti dalam bukunya *History of the Arabs*, ramai di kalangan orang-orang Barbar yang terpengaruh dengan fahaman Khawārij dan menunjukkan kebencian mereka terhadap kerajaan Banī Umayyah sehingga mencetuskan pemberontakan dan tentangan terhadap mereka.¹⁹² Walau bagaimanapun, penulis tidak berhajat untuk membincangkan secara terperinci peristiwa pemberontakan di Afrika Utara kerana yang penting dalam konteks Andalus bukanlah turutan-turutan peristiwa pemberontakan tersebut tetapi kesannya secara psikologi terhadap penduduk-penduduk Andalus terutamanya orang-orang Barbar baik secara langsung atau tidak langsung.

Kesan secara langsung daripada pemberontakan Barbar di Afrika Utara ialah tercetusnya pemberontakan yang didalangi oleh orang-orang Barbar di Andalus. Menurut Dozy, orang-orang Barbar di Andalus berkongsi kebencian dan kecemburuan orang-orang Barbar di Afrika terhadap orang-orang Arab. Ini adalah

¹⁹¹ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *op. cit.*, hal.200.

¹⁹² Hitti (1973), *History of the Arabs*. London dan Basingstoke : The Macmillan Press Ltd., h. 502

kerana mereka merasakan bahawa merekalah sebenarnya yang banyak memainkan peranan dalam penaklukan Andalus. Mūsā bin Nusayr dan tenteranya misalnya hanya memainkan sedikit peranan dengan menawan beberapa bandar di Andalus. Walaupun begitu, tentera-tentera Mūsā mendapat lebih harta, kuasa dan kawasan yang subur selepas penaklukan.¹⁹³

Dengan ini, terdapat perbezaan yang begitu ketara di antara orang-orang Arab dan Barbar. Walaupun orang-orang Barbar turut memainkan peranan dalam menakluki Andalus namun hakikatnya kekayaan dan kesenangan negara yang sepatutnya dikongsi bersama hanyalah dinikmati oleh orang-orang Arab. Kawasan bandar dan pertanian yang mempunyai potensi yang baik untuk dimajukan hanya dimonopoli oleh orang-orang Arab. Orang-orang Barbar pula hanya berpeluang untuk menduduki kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang subur seperti di Galicia dan Astorga. Menurut Levi-Provencal, orang-orang Barbar ini terpaksa tinggal di kawasan tersebut kerana mereka tidak mempunyai pilihan yang lain. Walaupun pada dasarnya tempat ini tiada banyak bezanya dengan kawasan penempatan mereka di Afrika Utara namun mereka tidak memilih untuk tinggal di kawasan tersebut atas kehendak mereka sendiri. Ramai di antara mereka tidak mempunyai pilihan kerana kebanyakan kawasan-kawasan yang subur telah dimonopoli oleh orang-orang Arab. Dengan itu, mereka telah memilih untuk tinggal di kawasan pergunungan yang jauh daripada penguasaan orang-orang Arab.¹⁹⁴

¹⁹³ Dozy(1988), *Spanish Islam*. Francis Griffin Stokes(terj.),London: Darf Publishers Limited, h.139

¹⁹⁴ Dr. al-Sayyid 'Abdil'aziz Sälīm (1962), *Tārīkh al-Muslimīn wa Āthārihim fī al-Andalus min al-fath al-'Arabī hattā Suqat al-Khilāfah*. Beirut : Dār al- Ma'ārif, h 123.

Dr. Abdul Majid Na'na'ie turut menolak pandangan bahawa orang-orang Barbar sengaja memilih untuk menetap di kawasan pergunungan. Ini adalah kerana tidak semua orang-orang Barbar pada asalnya tinggal di kawasan pergunungan. Ramai juga di antara mereka yang biasa menetap di kawasan dataran. Contohnya adalah orang-orang Barbar dari suku Barānis. Oleh itu, adalah mustahil mereka akan memilih kehidupan yang susah dan sukar di kawasan pergunungan.

Dengan ini bolehlah dikatakan bahawa orang-orang Barbar di seluruh Andalus merasa tidak puas hati dengan layanan yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin Arab kepada mereka. Menurut Dr. 'Abdulmajīd Na'na'ie, orang-orang Barbar diberikan penghormatan yang tinggi sewaktu bermulanya penaklukan Semenanjung Iberia. Pada peringkat awal penguasaan orang-orang Arab ke atas Afrika Utara, orang-orang Barbar diberikan segala kebebasan, keadilan dan persamaan hinggakan ramai yang terdorong untuk memeluk agama Islam. Walau bagaimanapun, keadaan mula berubah tidak lama kemudiannya kerana orang-orang Arab mula beranggapan bahawa mereka adalah pemimpin dan mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada bangsa-bangsa lainnya. Setelah Andalus berjaya ditakluki, orang-orang Arab mula menguasai pentadbiran dan pemerintahan Andalus. Orang-orang Barbar pula cuma dilantik sebagai tentera. Sebagai buktinya, kebanyakan tentera yang terkorban dalam perang '*Bilat al-Syuhadā*' sewaktu ekspedisi 'Abdulrahmān al-Ghāfiqī adalah terdiri daripada orang-orang Barbar.¹⁹⁵

¹⁹⁵ Dr. Abdulmajīd Na'na'ie (1986), *Tārkh al-Daulah al-Umawīyah ft al-Andalus*. Beirut : Dār al-Nahdah al-'Arabiah, h. 108-109.

Menurut Dr. al-Sayyid ‘Abdil‘azīz Sālīm, orang-orang Barbar di Andalus bergabung bersama-sama orang Arab *al-Baladīyyūn* bagi menentang orang-orang Arab *al-Syāmīyyūn*. Walaupun gabungan ini memperlihatkan kerjasama di antara orang-orang Barbar dan Arab namun pada dasarnya penggabungan ini dibuat atas dasar kepentingan dan bukannya atas dasar hubungan yang erat antara kedua pihak. Pada hakikatnya, orang-orang Barbar mempunyai permusuhan dengan orang-orang Arab terutamanya di Utara dan Selatan Andalus kerana diberi layanan yang buruk oleh orang-orang Arab. Faktor utama yang mencetuskan permasalahan ini menurut Dr. al-Sayyid ‘Abdil‘azīz Sālīm ialah disebabkan faktor pemilihan kawasan yang secara jelas memihak kepada orang-orang Arab. Justeru, penggabungan di antara orang-orang Barbar dan orang-orang Arab *al-Baladīyyūn* adalah antara lainnya memperlihatkan percubaan orang-orang Barbar bagi mendapatkan kawasan yang sebelumnya diperuntukkan kepada orang-orang Arab *al-Syāmīyyūn* sekiranya mereka berjaya dihalau kelak.¹⁹⁶

Menurut Muhammad ‘Abdullāh ‘Inān, orang-orang Barbar turut tidak berpuas hati dari segi perbezaan kedudukan dan kekuasaan yang ternyata menyebelahi orang-orang Arab.¹⁹⁷ Ketidakpuasan hati orang-orang Barbar di Andalus turut sampai kepada pengetahuan Gabenor baru Afrika Utara iaitu Bishr bn Safwān al-Kalbī. Beliau melantik ‘Anbasa bin Suhaym al-Kalbi sebagaī Gabenor baru

¹⁹⁶ Dr. al-Sayyid ‘Abdil‘azīz Sālīm (1962), *op.cit.*, hal 132

¹⁹⁷ Muhammad ‘Abdullāh ‘Inān(1960), *Dawlat al-Islām ft al-Andalus : al-‘asr al-awwal*. Kaherah : Mu‘assasāt al-Khanāji, h. 122

Andalus bagi menyelesaikan masalah perkauman yang timbul di Andalus.¹⁹⁸ Walau bagaimanapun, permasalahan ini ternyata tidak mampu diselesaikan oleh gabenor-gabenor yang dilantik. Hal yang sama turut berlaku di Afrika Utara. Tidak ada perubahan daripada segi layanan orang-orang Arab terhadap orang-orang Barbar walaupun Gabenor demi Gabenor bertukar ganti. Sekiranya ada perubahan, ia bukan merupakan perubahan yang kekal kerana tidak semua gabenor mempunyai cita-cita dan polisi yang sama.

Pada peringkat awalnya, pemberontakan Barbar di Afrika Utara dilihat oleh pendatang-pendatang awal di Andalus sebagai suatu kelebihan bagi mereka kerana dengan ini perhatian kerajaan pusat akan dialihkan daripada mereka. Bagi memastikan penguasaan golongan pendatang awal di Andalus terjamin, mereka telah menurunkan Uqbah bin al-Hajjāj dan melantik pemimpin dari kalangan mereka iaitu 'Abdulmālik bin Qatan al-Fihri' sebagaimana yang telah kita bincangkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, keadaan mula berubah apabila pemberontakan di Afrika Utara turut mendorong kepada berlakunya pemberontakan di Andalus.¹⁹⁹

Berita pemberontakan kaum Barbar ini akhirnya sampai kepada pengetahuan Khalīfah Hisyām bin 'Abdulmālik di Damsyik. Khalīfah Hisyām bin 'Abdulmālik bertindak pantas dengan melucutkan jawatan 'Ubaidullāh bin al-Habhāb sebagai Gabenor Afrika Utara kerana kelemahannya dalam pemerintahan. Beliau turut menghantar satu angkatan tentera berjumlah 30,000 orang bagi mengawal keadaan.

¹⁹⁸ Dr. al-Sayyid 'Abdil'azīz Sālim (1962), *op.cit.*, h 138

¹⁹⁹ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h.205

27,000 daripadanya terdiri daripada tentera Syam manakala selebihnya adalah dari Mesir.²⁰⁰ Angkatan tentera itu dipimpin oleh Kulthūm b. 'Iyād al-Qushayrī yang pada waktu yang sama dilantik sebagai Gabenor di Afrika Utara menggantikan 'Ubaidullāh bin al-Habbāb. Sebelum bertolak, Khalīfah Hisyām mengarahkan agar Balj bin Bishr al-Qushayrī mengambil tempat Kulthūm sekiranya beliau tewas. Jika ditakdirkan Balj turut tewas maka tempatnya akan diambil alih oleh Tha'laba bin Salāma al-'Āmilī.²⁰¹

Tentera di bawah pimpinan Kulthūm b. 'Iyād al-Qushayrī telah bergabung dengan tentera yang sedia ada di Afrika Utara di bawah pimpinan Habīb bin Abī 'Ubaydah. Dengan ini, jumlah keseluruhan tentera ialah 70,000 orang kesemuanya. Pasukan pemberontak pula dipimpin oleh Khālid bin Hamīd al-Zanāfī. Kedua-dua pasukan ini akhirnya bertempur di satu kawasan yang dinamakan *Wādī Sābū* pada tahun 124H/ 741M. Pertempuran ini berkesudahan dengan tewasnya tentera Kulthūm b. 'Iyād al-Qushayrī. Kulthūm juga telah terbunuh dalam pertempuran tersebut. Ibn Qūtiyyah dalam bukunya *Tārīkh Ifitāh al-Andalus* menerangkan bahawa pemberontak Barbar telah berjaya membunuh 1/3 dari tentera Kulthūm b. 'Iyād al-Qushayrī, 1/3 lagi ditawan manakala bakinya melarikan diri. Walau bagaimanapun, mereka yang melarikan diri akhirnya berjaya ditawan dan kemudiannya dibunuh.²⁰²

²⁰⁰ Wan Yahya Bin Wan Ahmad (1988), "Perang Saudara Di Andalus Pada Zaman Pemerintahan Bergabenor 98H-138H", dalam *Medium*, bil. 1. Kuala Lumpur : Akademi Islam, Universiti Malaya, h. 34

²⁰¹ al-Qūtiyyah (1989), *Tārīkh Ifitāh al-Andalus*. Ismā'īl al-'Arabī (ed.), Algeria : al-Mu'assasah al-Wataniah lil Kitāb, h. 28-29

²⁰² Wan Yahya Bin Wan Ahmad (1988), *op. cit.*, hal 35

Apabila mendengar berita kekalahan Kulthūm b. 'Iyād al-Qushayrī, Balj bin Bishr bersama-sama baki 10,000 tenteranya terus melarikan diri dan berlindung di dalam kota Ceuta.²⁰³ Mendengarkan khabar tersebut, pemberontak Barbar mula mengejar mereka dari belakang. Walau bagaimanapun, pemberontak Barbar tidak dapat melepasi kota tersebut kerana binaannya sangat kukuh. Oleh itu, mereka mengepung kota tersebut dari luar dan memusnahkan semua sumber makanan yang ada. Akibatnya, kota tersebut terputus bekalan makanan hingga akhirnya mereka dikatakan terpaksa memakan binatang tunggangan mereka.²⁰⁴

Melihatkan keadaan sudah semakin runcing, Balj membuat permohonan kepada Gabenor Andalus iaitu 'Abdulmālik bin Qatan bagi membolehkan Balj dan tenteranya memasuki Andalus. Pada masa yang sama, 'Abdulmālik bin Qatan turut menghadapi tentangan daripada pemberontak Barbar. Setiap pasukan yang dihantar bagi menghapuskan pemberontak dapat dipatahkan dengan mudah oleh pemberontak Barbar. Menyedari perlunya kepada bantuan Balj, 'Abdulmālik akhirnya bersetuju untuk membenarkan mereka menyeberang ke Andalus.²⁰⁵ Walau bagaimanapun, kebenaran tersebut merupakan kebenaran bersyarat. Setelah berjaya menghapuskan pemberontakan, Balj dan tenteranya dikehendaki pulang semula ke Ceuta.²⁰⁶ Selain itu, 10 orang tawanan akan dihantar dari setiap *junds* bagi memastikan mereka akan

²⁰³ Menurut kitab *Akhbār majmū'ah*, ada dua pendapat mengenai jumlah tentera yang bersama Balj pada ketika itu. Pendapat pertama menyatakan jumlahnya adalah seramai 12,000 orang manakala pendapat kedua pula menyatakan hanya terdapat 7,000 orang askar kesemuanya. Menurut pengarang kitab ini, pendapat kedua merupakan pendapat yang paling tepat. Menurut Muhammad 'Abdullāh 'Inān dalam bukunya *Dawlat al-Islām ft al-Andalus : al-'asr al-awwal* pula, jumlah tentera Balj pada ketika itu ialah seramai 10,000 orang kesemuanya.

²⁰⁴ *Ibid.*, h. 35-36

²⁰⁵ Muhammad 'Abdullāh 'Inān (1960), *Dawlat al-Islām ft al-Andalus : al-'asr al-awwal*. Kaherah : Mu'assasāt al-Khanājī, h.123.

²⁰⁶ Wan Yahya Bin Wan Ahmad(1988), *op. cit.*, h. 36

keluar dari Andalus dalam tempoh setahun setelah mereka berjaya menewaskan pemberontakan tersebut. Sebagai balasannya, 'Abdulmālik turut berjanji akan menghantar mereka pulang ke Afrika Utara dalam satu kumpulan untuk mengelakkan daripada diserang oleh orang-orang Barbar²⁰⁷

Pada waktu tersebut, pemberontakan Barbar telah merebak ke seluruh Semenanjung Iberia. Walau bagaimanapun, tidak banyak yang diketahui tentang faktor tercetusnya pemberontakan di Andalus. Menurut S.M. Imāmuddīn, seorang bangsa Barbar bernama 'Uthmān b. Abī Nis'a yang digelar Munusa @ Munuza oleh orang-orang Kristian telah mencetuskan pemberontakan di Andalus.²⁰⁸ Menurut *Chronicle 754*, pemberontakan ini dicetuskan setelah beliau mendengar berita mengenai penindasan terhadap orang-orang Barbar di Afrika Utara. Beliau dikatakan telah cuba memerintah sendiri di Cerdana @ Cerdagne pada tahun 729M. Pada tahun berikutnya, Munuz telah membuat persepakatan dengan Eudo atau Eudes, Duke Aquitaine bagi menentang pemerintah Andalus. Sebagai tindakbalas, 'Abdulrahmān al-Ghāfiqī telah melancarkan ekspedisi ketenteraan terhadap Munuz pada tahun 731M. Dalam ekspedisi itu, Munuz telah dikepung di Cerdana hingga akhirnya beliau terpaksa membunuh diri dalam usaha untuk mengelakkan diri daripada ditawan.²⁰⁹ Isterinya bersama-sama tawanan-tawanan yang lain telah dibawa ke Damsyik di mana beliau telah dikahwinkan dengan putera Khalīfah Hisyām.²¹⁰

²⁰⁷ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h. 206

²⁰⁸ S.M. Imāmuddīn (1969), *A Political History of Muslim Spain*. Pakistan: Najmah Sons, h. 41

²⁰⁹ Hugh Kennedy(1996), *Muslim Spain and Portugal A Political History of al-Andalus*. London and New York : Longman,h.24

²¹⁰ S.M. Imāmuddīn (1969), *op. cit.*

Walaupun tiada faktor-faktor jelas yang mendorong pemberontakan tersebut di Andalus, kita boleh membuat andaian bahawa ada kemungkinannya faktor-faktor yang mendorong pemberontakan di Afrika Utara merupakan faktor yang sama yang mencetuskan pemberontakan di Andalus. Tambahan pula terdapat bukti dalam *The Chronicle of 754* bahawa orang Barbar telah menerima layanan buruk daripada Gabenor Andalus. Al-Hurr al-Thaqafi, misalnya, mengenakan hukuman yang berat ke atas orang-orang Barbar yang didapati menyembunyikan harta. Walaupun begitu, peristiwa ini hanya melibatkan orang-orang Barbar yang tertentu sahaja dan bukannya kesemua orang Barbar secara keseluruhannya.

Jika dilihat dari aspek lain, taraf orang-orang Barbar di Andalus adalah lebih rendah berbanding orang-orang Arab. Sebagai contohnya, tiada seorang pun orang Barbar yang dilantik menjadi Gabenor walaupun mereka turut terlibat dalam usaha-usaha penaklukan. Walaupun ada di antara orang-orang Barbar yang dilantik sebagai Gabenor seperti Menusa yang dipertanggungjawabkan ke atas kawasan Asturias dan Pyrenees tetapi perlantikan ini bukanlah dibuat oleh orang-orang Arab tetapi oleh Tāriq bin Ziyād di awal penaklukan. Peristiwa ini telah menimbulkan kemarahan di kalangan orang-orang Barbar yang ingin mendapatkan lebih kekuasaan di Andalus²¹¹

Tidak banyak maklumat yang diperolehi mengenai pemimpin pemberontakan tersebut tetapi ada kemungkinannya mereka merupakan jeneral-jeneral yang berpengalaman. Gerakan pemberontakan yang menurut Dozy bermotifkan separuh

²¹¹ Menurut *The Chronicle of 754*, kekuasaan adalah penting bagi orang-orang Barbar untuk memastikan mereka dapat mengekalkan hak milik dan harta mereka yang sentiasa diancam perampasan oleh orang-orang Arab.

keagamaan dan separuh lagi politik ini bermula di Galicia dan merebak di Utara.²¹² Gerakan ini menjadi semakin hebat terutamanya di sebelah Utara di bawah pimpinan Ibn Huddīn @ Zaqrītaq. Di bawah pimpinannya, orang-orang Barbar telah berjaya mengusir orang-orang Arab dari Galicia dan Astorga serta membunuh ramai orang-orang Arab. Walau bagaimanapun, pemberontakan ini tidak disertai oleh kesemua orang Barbar. Orang-orang Barbar di kawasan Timur Laut dan Saragossa misalnya tidak terlibat dalam pemberontakan memandangkan jumlah mereka adalah lebih kecil berbanding dengan orang-orang Arab di sana.

Orang-orang Barbar mula mengumpulkan penyokong mereka di sebelah Barat Laut dan bergerak ke Selatan untuk bergabung dengan tentera-tentera pemberontakan yang lainnya di Coria, Talavera dan Merida.²¹³ Pemberontak Barbar membahagikan kumpulan mereka kepada 3 pasukan. Pasukan pertama ditugaskan untuk menawan Toledo manakala pasukan kedua dihantar ke Cordova untuk membunuh 'Abdulmālik bin Qatan. Pasukan ketiga pula ditugaskan untuk mengawal Selat Gibraltar dari Utara dan cuba membentuk hubungan dengan orang-orang Barbar di Ceuta di samping menyekat Balj dan tenteranya daripada menyeberangi selat untuk ke Andalus. Pasukan Barbar yang pertama berjaya menawan Toledo selama sebulan manakala pasukan yang ditugaskan ke Cordova telah berjaya ditumpaskan. Pasukan terakhir yang ditugaskan untuk mengawal Selat Gibraltar pula telah berjaya dikalahkan oleh

²¹² Dozy(1988), *Spanish Islam*. Francis Griffin Stokes(terj.), London: Darf Publishers Limited, h.140

²¹³ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h.208

Balj dan tenteranya yang berjaya memasuki Andalus sebelum disekat oleh orang-orang Barbar.²¹⁴

Pemberontak Barbar yang pada ketika itu masih di Sidonia dikejutkan dengan serangan tentera-tentera 'Abdulmālik bin Qatan dan tentera-tentera Syria. Akhirnya, orang-orang Barbar berjaya ditewaskan hingga mereka lari bertebaran. Gabungan tentera Balj dan 'Abdulmālik bin Qatan ini turut berjaya mengalahkan pasukan pemberontak yang menggugat Cordova. Kawasan terakhir dan terbesar yang berada di bawah penguasaan pemberontak Barbar adalah di Guazalete berhampiran Sungai Tajo. Tentera Syria yang berkobar-kobar ingin membalas dendam di atas kekalahan mereka di Afrika Utara menentang orang-orang Barbar habis-habisan dan membunuh ribuan daripada mereka. Pemberontak-pemberontak Barbar yang terselamat berjaya melarikan diri tetapi mereka dikejar hinggalah akhirnya mereka terpisah dan menghilangkan diri di Marches.²¹⁵

Dengan kekalahan ini, gerakan pemberontakan Barbar akhirnya dapat dipatahkan sewaktu zaman pemerintahan bergabenor. Walaupun begitu, gerakan ini tidaklah tamat di situ sahaja kerana orang-orang Barbar turut memainkan peranan dalam pemberontakan-pemberontakan yang seterusnya di zaman-zaman berikutnya

²¹⁴ Roger Collins (1989), *The Arab Conquest of Spain 710-797*. Oxford, United Kingdom : Basil Blackwell Ltd., h. 109

²¹⁵ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *op. cit.*, hal. 208-209

seperti di zaman Amīr Abdullāh bin Muhammad bin ‘Abdulrahmān yang dicetuskan oleh ‘Umar bin Mudam (Mallāhī)²¹⁶

3.3 KONFLIK ANTARA TENTERA SYRIA DAN PENDATANG-PENDATANG AWAL.

Setelah berakhirnya pemberontakan Barbar, masalah baru mula timbul di Andalus. Tentera Syria yang tertarik dengan hasil bumi dan kekayaan pendatang awal Andalus mula menunjukkan kecenderungan mereka untuk menetap di Andalus. Pendatang-pendatang awal sebaliknya tidak bersedia untuk membahagikan kekayaan yang mereka miliki dengan tentera Syria. Dengan itu, konflik antara mereka sememangnya tidak dapat dielakkan. Dari segi sejarahnya, konflik antara kedua-dua golongan ini sememangnya telah wujud sebelumnya. Kebanyakan orang-orang Arab *Baladīyyūn* adalah terdiri daripada orang-orang Hijaz yang berhijrah selepas kekalahan mereka di tangan tentera-tentera Syria dalam peperangan Harra. Pembunuhan ramai orang-orang Arab Hijaz di tangan tentera-tentera Syria telah menambahkan lagi dendam orang-orang Arab Hijaz. Oleh itu, apabila tentera-tentera Syria memasuki Andalus, ramai daripada orang-orang Arab *Baladīyyūn* yang menyuarakan kebimbangan mereka sekiranya tentera-tentera Syria mula menguasai Andalus yang selama ini dikuasai oleh mereka. Tambahan pula, pasukan tentera-

²¹⁶ Wan Yahya Bin Wan Ahmad (1988), "Perang Saudara Di Andalus Pada Zaman Pemerintahan Bergabenor 98H-138H", dalam *Medium*, bil. 1. Kuala Lumpur : Akademi Islam, Universiti Malaya, h.36

tentera Syria turut disertai sekumpulan bangsawan Arab dan pemimpin-pemimpin Arab yang sudah tentunya akan cuba menguasai pemerintahan Andalus.²¹⁷

Menurut Mahmoūd Makkī, permusuhan di antara orang-orang Arab *Baladīyyūn* dan *al-Syāmīyyūn* turut dicituskan oleh polisi kerajaan Banī Umayyah sendiri yang bertindak menyokong satu kumpulan pada suatu masa dan kumpulan yang lainnya pada masa yang lain. Sokongan yang diberikan ini turut melibatkan pengaruh dan kedudukan yang sememangnya merupakan isu yang cukup besar bagi memastikan penguasaan sesuatu kaum. Dalam hal ini, permusuhan di antara kedua golongan ini sememangnya tidak dapat dielakkan terutamanya setelah satu pihak kehilangan kuasa di tangan yang lainnya. Pada dasarnya, polisi ini diamalkan oleh kerajaan Banī Umayyah dalam usaha untuk mengawal kekuatan kedua-dua golongan. Walau bagaimanapun, tindakan ini kemudiannya terbukti kurang bijak apabila ia turut menyumbang kepada kelemahan dan seterusnya kejatuhan Banī Umayyah itu sendiri.²¹⁸

Konflik di antara orang-orang Arab *Baladīyyūn* dan *al-Syāmīyyūn* ini menjadi tajuk perbincangan ramai sarjana. Dozy, misalnya, melihat permasalahan ini sebagai berpunca daripada semangat fanatisme antara suku Qays dan Yamani. Pandangan Dozy ini dikritik hebat oleh Hussain Mu'nis dalam bukunya *Fajr al-Andalus* yang

²¹⁷ Dr. Abdulmajīd Na'na'ie (1986), *Tārīkh al-Daulah al-Umawīyyah ft al- Andalus*. Beirut: Dār al-Nahdah al-'Arabiah, h. 117-118

²¹⁸ Mahmoud Makki (1992), "The Political History of al-Andalus", dalam Salma Khadra Jayussi (ed.), *The Legacy of Muslim Spain*. Leiden : E.J. Brill, h. 13

melihat permasalahan ini sebagai konflik antara dua parti berbeza yang tidak berkaitan dengan semangat kesukuan atau fanatisme Arab itu sendiri.²¹⁹

Masalah kesukuan sememangnya bukan faktor utama yang menyebabkan berlakunya konflik di antara orang-orang Arab di Andalus. Menurut Hussain Mu'nis, faktor utama berlakunya konflik ini ialah wujudnya keinginan dalam hati setiap individu untuk memperolehi sebanyak mungkin kelebihan dan kekuasaan di Andalus.²²⁰ Pandangan Hussain Mu'nis ini turut disokong oleh penulis. Ini kerana, dalam mengejar kepentingan masing-masing, ramai yang terus melupakan suku atau puak mereka. Atas sebab inilah maka kita dapat lihat pendatang-pendatang awal bersatu untuk menentang kemasukan tentera Syria walaupun mereka adalah daripada suku dan qabilah yang berbeza. Jika diperhatikan, pendatang awal ini menentang kemasukan tentera Syria kerana mereka bimbang akan kehilangan kelebihan dan penguasaan ke atas Andalus. Secara kritikalnya bolehlah dikatakan bahawa pendatang awal tidak mahu berkongsi hasil penaklukan dengan mana-mana kumpulan lain. Walau bagaimanapun, tentera Syria bertegas ingin berkongsi hasil penaklukan serta kekayaan dan kelebihan yang telah diperolehi oleh pendatang-pendatang awal. Dengan tiadanya persefahaman antara kedua kumpulan ini maka tercetuslah konflik antara keduanya.

²¹⁹ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h. 214

²²⁰ Husayn Mu'nis (1985), *Fajr al-Andalus*. Jeddah : al-Dar al-Sa'ūdiyyah, h. 213

Hugh Kennedy dalam bukunya *Muslim Spain and Portugal A Political History* menjelaskan bahawa kemasukan tentera-tentera Syria ini telah mengundang konflik di Andalus bukan hanya dari segi sosial malah juga politik. Ini adalah kerana sebelum kemasukan tentera-tentera Syria, dominasi orang-orang Arab Yamani telah menyebabkan tidak banyak berlaku konflik di Andalus. Dengan kemasukan tentera-tentera Balj, keadaan tersebut telah berubah bila mana persaingan mula wujud di antara mereka bagi menguasai pucuk pemerintahan.

Selain daripada itu, kemasukan ini turut mengubah keadaan politik dan sosial orang-orang Islam di Andalus di tahun-tahun yang mendatang. Dengan kemasukan ini, bilangan orang-orang Arab telah bertambah terutamanya di kawasan luar bandar di Selatan Andalus.²²¹ Ramai daripada mereka merupakan tentera-tentera yang mengaku taat setia kepada kerajaan Umayyah. Selain itu, terdapat sejumlah *al-Mawālī* Banī Umayyah dari kalangan tentera-tentera Syria yang bukan berbangsa Arab dan tawanan perang. Kehadiran mereka di Andalus turut mempunyai kepentingannya yang tersendiri terutamanya dalam menyumbang kepada kejayaan pembinaan kerajaan Banī Umayyah di Andalus.²²²

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, tentera-tentera Syria memasuki Andalus setelah termeterai perjanjian di antara ‘Abdulmālik bin Qatan dan tentera Syria. Sebagaimana yang telah dijanjikan, ‘Abdulmālik akan menghantar mereka pulang dengan selamat ke Afrika Utara setelah pemberontakan Barbar

²²¹ Hugh Kennedy(1996), *Muslim Spain and Portugal A Political History of al-Andalus*. London and New York : Longman,h.26-27

²²²*Ibid.*, h. 27.

berjaya dihapuskan. Bagi menjadikan proses penghantaran itu mustahil, tentera Syria meminta agar mereka dihantar pulang dalam satu kumpulan. Menurut Dozy, 'Abdumālīk enggan menghantar mereka ke Afrika dalam satu kumpulan kerana kapal-kapal yang ada tidak mencukupi untuk membawa keluar semua kuda, hamba dan barangan milik orang-orang Arab Syria. Apabila orang-orang Arab Syria memohon untuk bertolak dari Elvira atau Tudmīr, 'Abdumālīk menolak permohonan mereka kerana kesemua kapal-kapal pada masa itu berada di Algeciras.²²³ Bagi menyelesaikan masalah ini, 'Abdumālīk menyarankan agar tentera Syria berangkat dalam beberapa kumpulan kecil atau bergerak beramai-ramai ke Ceuta. Tentera Syria menolak pelawaan tersebut kerana menyangkakan yang 'Abdumālīk merancang untuk hantar mereka balik ke Afrika Utara.

Menurut al-Maqqarī, masalah ini timbul kerana orang-orang Arab Syria enggan menepati janji hingga menyebabkan mereka mencari pelbagai alasan untuk tidak keluar dari Andalus.²²⁴ Pertelingkahan ini memberikan alasan yang baik kepada tentera Syria untuk menentang 'Abdumālīk. Tentera Syria telah menyerang istana di Cordova dan menjatuhkan 'Abdumālīk. Dengan ini, tempat 'Abdumālīk digantikan oleh Balj. Pada saat ini, kekeliruan menyelinap di seluruh negara. Dalam keadaan tersebut, sub-Gabenor Algeciras menghentikan bekalan makanan dan minuman kepada tawanan Syria di *Jazīrat Umm Hakīm*. Tindakan ini telah mengakibatkan seorang tokoh dari kalangan tentera Syria meninggal dunia kerana kehausan. Apabila tentera Syria mendengar mengenai berita tersebut, mereka menyalahkan 'Abdumālīk

²²³ Dozy (1988), *Spanish Islam*. Francis Griffin Stokes (terj.), London: Darf Publishers Limited, h.141

²²⁴ al-Maqqarī (1984), *The History of the Mohammedian Dynasties in Spain*. Pascual de Gayangos (terj.), j.2. Delhi, India : Idārah Adabiyāt Dellī, h. 42

bin Qatan dan mendesak hukuman dijatuhkan ke atas beliau. Pada mulanya Balj enggan tunduk kepada desakan tersebut. Walau bagaimanapun beliau akhirnya terpaksa tunduk kepada desakan tersebut untuk mengelakkan perpecahan dalam tenteranya. Dengan itu, 'Abdulmālik yang pada ketika itu berumur 90 tahun dijatuhkan hukuman bunuh. Mayatnya pula diletakkan pada salib di tempat yang dikenali dengan nama *Maslab* 'Abdulmālik bin Qatan.²²⁵

Menurut Dozy, selepas peristiwa pembunuhan 'Abdulmālik bin Qatan, berlaku peperangan di antara orang-orang Arab *Baladī* dan *Syāmī* yang akan menentukan siapa yang akan berkuasa.²²⁶ Golongan Arab *Baladī* -Yamani dipimpin oleh anak 'Abdulmālik bin Qatan iaitu Qatan bin 'Abdulmālik dan Umayyah bin 'Abdulmālik yang cuba menuntut bela di atas kematian ayahanda mereka. Qatan dan Umayya melarikan diri ke Saragossa dan Merida untuk mendapatkan bantuan daripada pendatang awal berbangsa Arab di Barat Laut Andalus dan juga daripada orang Barbar. Walaupun ramai di antara orang Barbar tidak menyukai orang-orang Arab namun masih ada di kalangan orang-orang Barbar yang masih kekal sebagai sekutu Arab. Beberapa orang Barbar yang merupakan sekutu Banī Fihri dari Almodover del Rio bersetuju untuk memberikan bantuan kepada Qatan dan Umayya. Dengan kekuatan yang mereka ada, orang-orang Barbar ini menyerang Cordova untuk memindahkan mayat 'Abdulmālik yang diletakkan di tengah-tengah bandar.

²²⁵ Majhūl Mu'allaf (1989), *Akhbār Majmu'ah*. Ismā'il 'Arabī (ed.), Algeria: al-Mu'assasah al-Wataniah lil Kitāb, h.116-117

²²⁶ Dozy(1988), *Spanish Islam*. Francis Griffin Stokes(terj.),London: Darf Publishers Limited, h.143

Selain mendapat sokongan orang-orang Barbar, gerakan penentangan ini turut mendapat sokongan pegawai tentera 'Abdalmālik bin Qatan di Narbonne iaitu 'Abdulrahmān bin 'Alqama al-Lakhmī serta tentera-tentera Balj yang berpaling tadah. Kesemua pasukan ini akhirnya bergabung untuk membentuk satu pasukan tentera yang cukup besar bagi menentang tentera yang dipimpin oleh Balj bin Bishr.²²⁷

Gabungan tentera yang terdiri daripada pendatang awal dan orang Barbar ini mula bergerak ke Cordova dari sebelah Barat Laut dengan dipimpin oleh 'Abdulrahmān bin 'Alqama al-Lakhmī dan 'Abdulrahmān bin Habīb al-Fihri. Bilangan askar yang terlibat adalah tidak dapat dipastikan. Ada pendapat yang menyatakan bahawa tentera tersebut berjumlah 100,000 orang manakala pendapat lain pula menyatakan jumlahnya hanya 40,000 orang. Walau bagaimanapun, kebanyakan sumber yang ada menyatakan bahawa jumlah tentera Syria dan pengikutnya adalah di antara 10,000 hingga 12,000 orang kesemuanya.

Menurut Dr. 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha, satu perkara yang cukup menarik untuk dikaji ialah berkenaan wujudnya penyokong bagi tentera-tentera Syria ini dari kalangan orang-orang Barbar dan pendatang awal. Antara kemungkinan yang dikemukakan oleh beliau bagi menjelaskan perkara ini ialah pemilikan harta benda yang sedikit dan ketiadaan peluang untuk mendapatkan kelebihan yang menyebabkan mereka bersetuju untuk menjadi pengikut tentera Syria. Tambah beliau lagi, tindakan

²²⁷ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h.216

ini dibuat dengan harapan agar mereka akan mendapat kelebihan sekiranya tentera Syria mendapat kemenangan. Fakta ini amatlah penting dalam konteks pemahaman keadaan sosial Andalus kerana pada pandangan penulis ia secara jelas menerangkan faktor utama berlakunya konflik di Andalus iaitu perebutan kuasa, kelebihan dan kekayaan.

Tentera Syria dan pendatang awal akhirnya bertembung di sebuah perkampungan yang dikenali sebagai Aqua Portora. Sumber Arab terutamanya kitab *Akhbār Majmū'ah* menjelaskan secara terperinci mengenai peristiwa peperangan tersebut. Walaupun bilangan pendatang awal dan orang Barbar lebih ramai namun mereka tidak dapat mengatasi kekuatan tentera Syria. 'Abdulrahmān bin 'Alqama al-Lakhmī yang bercita-cita untuk membunuh Balj berjaya mencederakan Balj dalam salah satu serangannya. Walaupun Balj dapat diselamatkan tetapi akhirnya beliau meninggal dunia beberapa hari kemudiannya akibat kecederaan tersebut pada Syawal 124H / Ogos 742M.²²⁸

Kematian Balj ini pada hakikatnya hanya mengubah struktur kepemimpinan tentera-tentera Syria. Dari segi kuasa, tentera Syria tetap menguasai Andalus. Setelah kematian Balj, tentera-tentera Syria serta golongan Umawī mencapai kata sepakat untuk melantik Tha'laba bin Salāma al-'Āmilī, pemimpin *jund* Jordan selaku gabenor yang baru.²²⁹ Pada masa yang sama, pendatang-pendatang Arab dan orang-orang Barbar meneruskan penentangan mereka terhadap tentera Syria. Beberapa siri

²²⁸ *Ibid.*, h. 217

²²⁹ Dr. al-Sayyid 'Abdīl'azīz Sālim (1962), *Tārīkh al-Muslimīn wa Āthārihim fī al-Andalus min al-fath al-'Arabī hattā Suqāt al-Khilāfah*. Beirut : Dār al- Ma'ārif, h 160

peperangan telah berlangsung di segenap pelosok Andalus. Gabungan tentera Barbar dan pendatang awal mula menumpukan perhatian di wilayah Merida di mana berkumpulnya Tha'laba dan tentera Syria. Memandangkan bilangan tentera Tha'laba agak kurang berbanding tentera Syria, beliau terpaksa melarikan diri ke bandar Merida. Dari sana, Tha'laba menghantar utusan memohon bantuan daripada pembantunya di Cordova. Walau bagaimanapun, Tha'laba dapat menguasai keadaan sebelum ketibaan pasukan bantuan dengan cara melakukan serangan mengejut ke atas gabungan tentera Barbar dan Arab sewaktu mereka sedang menyambut hari perayaan. Dalam serangan itu, ramai tentera Barbar dan Arab yang terbunuh dan dijadikan tawanan termasuklah tokoh-tokoh seperti 'Alī bin al-Hasan dan al-Hārith bin Asad.²³⁰

Berita kehancuran tentera-tentera Arab *Baladī-Yamani* ini akhirnya sampai kepada pengetahuan Khalīfah Hisyām bin 'Abdumālīk. Khalīfah Hisyām kemudiannya bertindak mendapatkan nasihat al-'Abbās bin al-Walīd bagi mengatasi permasalahan tersebut. Lanjutan daripada perbincangan itu, Abū al-Khattār bin Dirār al-Kalbī telah dilantik oleh Khalīfah sebagai Gabenor Andalus yang baru. Setelah menerima perlantikan itu, Abū al-Khattār berangkat ke Andalus bersama-sama 30 orang tentera. Kemasukan ini merupakan kemasukan kedua orang-orang Syria ke Andalus.²³¹ Menurut Dr. 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha, perlantikan Abū al-Khattār al-Kalbī ini bertujuan untuk memastikan percantuman pemerintahan Andalus dan Afrika Utara. Selain itu, ia merupakan percubaan kerajaan Banī Umayyah untuk menguasai Andalus.

²³⁰ 'Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *op. cit.*, h. 218

²³¹ al-Qūtiyyah (1989), *Tārīkh Ifṭīḥ al-Andalus*. Ismā'il al-Arabī (ed.), Algeria : al-Mu'assasah al-Wataniah lil Kitāb, h.32

Perlantikan Abū al-Khattār diterima dengan baik oleh pendatang Arab dan Barbar. Malah, mereka turut meyakinkan Abū al-Khattār bahawa mereka akan menyokong beliau. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama mereka turut menuntut agar tentera Syria keluar dari Andalus. Perkara tersebut ditangguhkan oleh Abū al-Khattār sehinggalah beliau memasuki Cordova. Antara perkara terawal yang dilakukan oleh Abū al-Khattār setelah tiba di Cordova ialah mengarahkan pembebasan semua tawanan yang ditangkap oleh tentera Syria. Abū al-Khattār turut bertindak menghalau keluar beberapa orang tentera Syria yang bertanggungjawab memprovokasi orang-orang Arab *Balaḍī* dan orang Barbar hingga mencetuskan pergaduhan. Antara tokoh-tokoh yang terlibat dalam pengusiran tersebut ialah Tha'laba bin Salāma al-‘Āmilī, ‘Abdulrahmān bin Habīb al-Fihrī dan ‘Uthmān bin Abī Nis'a yang dibuang ke Afrika Utara. Menurut pengarang kitab *Fath al- Andalus* pula, Tha'laba bin Salāma meninggalkan Andalus atas kemahuannya sendiri.²³²

Sepanjang pemerintahannya, Abū al-Khattār bin Dirār al-Kalbī telah berjaya menyatukan semula orang-orang Islam Andalus di bawah pimpinannya untuk beberapa ketika. Fitnah yang melanda umat Islam telah dapat diatasi. Untuk memastikan keamanan yang dikecapi berkekalan, beliau menempatkan ketua-ketua tentera Syria di tempat yang berasingan. Dengan itu, askar dari Damsyik dihantar ke Birah, askar dari Jordan ditempatkan di Rejio, askar dari Palestīn ditempatkan di Sidonia, askar dari Hims dihantarkan ke Sevilla dan beberapa ketua tentera yang lain juga ditempatkan di daerah yang berlainan. Segala perbelanjaan yang digunakan

²³² ‘Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *op. cit.*, h. 219

untuk tujuan menempatkan tentera-tentera itu diambil dari harta-harta golongan *dhimmi* sahaja tanpa menyentuh harta rampasan perang milik orang-orang Arab Baladi dan juga Barbar.

Abū al-Khattār turut mencuba sedaya upaya untuk mempraktikkan keadilan di Andalus. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak berkejalan kerana beliau sendiri berasal dari golongan Yamani yang sangat fanatik kepada qabilahnya. Sebagai contohnya, ada diriwayatkan bahawa Abū al-Khattār pernah menjatuhkan hukuman yang tidak adil ke atas seorang lelaki dari keturunan Arab Qays yang bertelingkah dengan salah seorang ahli qabilah Yamani. Lelaki tersebut kemudiannya mengadu kepada al-Sumayl bin Hatim al-Kilābī yang merupakan ketua qabilah Arab Qays di Andalus ketika itu. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, al-Sumayl terus berjumpa dengan Abū al-Khattār. Malangnya, beliau disambut dengan maki hamun oleh Abū al-Khattār dan dipukul di hadapan askarnya.²³³

Dr. ‘Abdulwāhid Dhanūn Tāha berpendapat bahawa ada kemungkinannya Abū al-Khattār merupakan seorang yang fanatik. Walau bagaimanapun, beliau tidak dapat menerima pandangan yang menyatakan bahawa konflik yang tercetus antara orang-orang Arab sewaktu beliau menjadi Gabenor adalah disebabkan oleh sikap fanatik Abū al-Khattār. Ini adalah kerana terdapat rekod yang menyatakan bahawa terdapat beberapa suku Yamani yang berkuasa seperti Lakhm dan Judhām yang bersekutu dengan suku Qays dan Mudar bagi menentang Abū al-Khattār. Oleh itu,

²³³ Wan Yahya Bin Wan Ahmad (1988), "Perang Saudara Di Andalus Pada Zaman Pemerintahan Bergabenor 98H-138H", dalam *Medium*, bil. 1. Kuala Lumpur : Akademi Islam, Universiti Malaya, h. 39

pandangan yang menyatakan bahawa pertelingkahan ini adalah disebabkan fahaman kesukuan adalah tidak dapat diterima oleh beliau.

Tambah beliau lagi, ramai daripada tentera-tentera Syria dari *jund Qinnasrīn*, Damsyik, Palestīn, Jordan, Mesir dan Hims yang bersatu untuk menentang Abū al-Khattār. Kesemua mereka ini adalah daripada suku-suku yang berlainan. Satu-satunya perkara yang sama mengenai mereka ialah mereka merupakan tentera-tentera Syria yang baru menetap di Andalus. Dalam usaha penentangan tersebut, mereka tidak menghiraukan sebarang perbezaan di antara mereka sama ada dari suku Qays atau Yamani dan sebagainya. Objektif utama yang ingin dicapai oleh mereka ialah bagi menurunkan Abū al-Khattār secepat mungkin supaya mereka dapat menguasai Andalus dan menjaga kepentingan mereka tanpa ada sebarang campur tangan dari Afrika Utara.²³⁴

Hugh Kennedy dalam bukunya *Muslim Spain and Portugal A Political History* melihat permusuhan ini dari sudut yang berbeza. Menurut beliau, permusuhan antara orang-orang Arab Yamani dan tentera-tentera Syria sememangnya tidak dapat dielakkan lagi. Kekalahan, penghinaan dan penghambaan ramai orang-orang Arab Yamani telah menambahkan lagi kebencian orang-orang Arab Yamani terhadap tentera-tentera Syria. Dalam keadaan permusuhan ini, adalah sukar bagi seorang Gabenor bertindak adil kepada kedua-dua pihak. Atas alasan inilah barangkalinya Abū al-Khattār mengambil keputusan untuk menyebelahi kaumnya

²³⁴ Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *op. cit.*, h. 221

memandangkan beliau sememangnya memerlukan bantuan dan sokongan daripada kaumnya. Sebarang tindakan yang dilihat condong ke arah kaum lainnya akan hanya mencetuskan kebencian terhadapnya. Ini kemudiannya nanti akan mengakibatkan beliau kehilangan kuasa, pengaruh dan sokongan dari kaumnya. Tindakan menyokong kaumnya pula sebaliknya akan hanya mencetuskan permusuhan di antara tentera-tentera Syria yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang Arab Qays dengan Abū al-Khattār. Permusuhan ini akhirnya mendorong mereka mencari pemimpin mereka sendiri bagi menentang Abū al-Khattār. Dalam hal ini, tokoh yang dipertanggungjawabkan bagi memimpin mereka ialah al-Sumayl bin Hatim al-Kilābī yang sememangnya fanatik terhadap kebajikan orang-orang Arab Qays.²³⁵

Konspirasi menentang Abū al-Khattār bermula di Cordova di bawah perancangan al-Sumayl. Menurut S.M. Imāmuddīn, al-Sumayl menyimpan perasaan dendam yang lama terhadap Abū al-Khattār.²³⁶ Walau bagaimanapun, al-Sumayl tidak dapat mengambil apa-apa tindakan pada awalnya kerana menyedari kelemahan qabilah Arab Qays. Tambahan pula, kedudukan qabilah-qabilah Arab Qays yang terpisah di antara satu sama lain akan menyukarkan lagi penentangan.²³⁷ Menyedari bahawa adalah sukar menjatuhkan Abū al-Khattār tanpa bantuan semua *junds* di Andalus, al-Sumayl telah terlebih dahulu berjumpa Abū 'Atā' yang kemudiannya mencadangkan agar mereka turut menjemput Thawāba b. Salāma al-Judhāmi, ketua *jund* Palestin. Dengan adanya persetujuan Thawāba b. Salāma al-Judhāmi, gerakan

²³⁵ Hugh Kennedy (1996), *Muslim Spain and Portugal A Political History of al-Andalus*. London and New York : Longman, h.27.

²³⁶ S.M. Imāmuddīn (1969), *A Political History of Muslim Spain*. Pakistan: Najmah Sons, h. 45

²³⁷ Mustafā Abū Dayf Ahmad (1983), *Al-Qabā'il al-'Arabiah fi Andalus hattā Suqāt al-Khilāfah al-Umawiyah*. Iskandariyah: Mua'ssasāt Shabāb al-Jāmi'ah, h.100

pemberontakan al-Sumayl menjadi semakin mantap. Tambahan pula, gerakan pemberontakan mereka turut disertai oleh kumpulan Arab yang lainnya dari Seville, Niebla, Baja, Sidonia dan Osconova terutamanya dari suku Lakhm dan Judhām.

Dalam menghadapi tentangan daripada pasukan al-Sumayl, Abū al-Khattār tiada alternatif lain melainkan bergantung kepada orang-orang Barbar dan pendatang-pendatang Arab awal. Walau bagaimanapun, tiada maklumat yang mencukupi mengenai pendatang-pendatang awal yang menyokong Abū al-Khattār ini. Penulis kitab *Akhhbār Majmū'ah* pula hanya menamakan mereka sebagai *jamā'āt ahl al-Andalus*.²³⁸ Kedua-dua kumpulan ini bertempur di Wādī Lakkah pada tahun 127H/745M.²³⁹ Memandangkan jumlah tentera Abū al-Khattār tidak begitu ramai, mereka dapat dikalahkan dengan mudah oleh gabungan tentera-tentera Syria tersebut. Abū al-Khattār turut ditangkap dan dibawa pulang ke Cordova untuk dipenjarakan. Setelah itu, Thawāba b. Salāma al-Judhāmi dilantik sebagai Gabenor baru Andalus pada bulan Rejab 127H/ April 745M. Selepas mendapat kejayaan tersebut, Abū 'Atā' dan saki baki tentera pulang ke penempatan masing-masing. Selepas peperangan tersebut, populariti al-Sumayl semakin bertambah. Walaupun pada dasarnya Thawāba b. Salāma al-Judhāmi dilantik sebagai Gabenor yang baru namun pada hakikatnya tampuk pemerintahan Andalus adalah di tangan al-Sumayl.

Suku Kalb yang tidak berpuas hati terhadap apa yang berlaku terhadap Abū al-Khattār telah mengumpulkan seramai 200 tentera infantri dan 40 tentera berkuda

²³⁸Abdulwāhid Dhanūn Tāha (1989), *The Muslim Conquest and Settlement of North Africa and Spain*. London : Routledge, h. 221

²³⁹Mustafā Abū Dayf Ahmad (1983), *op. cit.*

dari kalangan *jund* Seville dan Niebla. Mereka menyerang penjara Cordova dan berjaya membebaskan Abū al-Khattār. Menurut *Akhbār Majmū'ah*, tiada apa yang penting berlaku selepas peristiwa ini hinggalah zaman pemerintahan Yūsuf al-Fihri. Thawāba b. Salāma al-Judhāmi meninggal dunia pada bulan Muharam 129H/ Oktober 746M. Dalam keadaan itu, Amr bin Thawāba menawarkan diri untuk menggantikan tempat ayahnya. Selain daripada Amr, seorang lagi tokoh yang turut berminat untuk mengisi kekosongan jawatan Gabenor ialah Yahyā bin al-Hurayth al-Judhāmi. Tentera-tentera Syria termasuklah al-Sumayl yang merasakan mereka lebih kuat dan berkuasa pula mencadangkan agar Yūsuf al-Fihri dilantik sebagai Gabenor yang baru. Perlantikan Yūsuf al-Fihri ini dicadangkan oleh al-Sumayl memandangkan faktor usia Yūsuf yang agak tua. Dengan ini, Yūsuf al-Fihri dapat dijadikan boneka yang baik oleh Sumayl. Selain daripada itu, Yūsuf al-Fihri turut mempunyai susur galur keturunan yang baik iaitu daripada keturunan 'Uqbah bin Nāfi'. Latar belakang Quraisy ini adalah penting bagi mendapatkan sokongan semua pihak termasuklah orang-orang Barbar di Andalus.²⁴⁰

Perlantikan ini, walau bagaimanapun, mendapat tentangan daripada 'Amr bin Thawāba b. Salāma al-Judhāmi. Beliau kemudiannya bergabung dengan Abū al-Khattār dan Yahyā bin al-Hurayth al-Judhāmi bagi menentang al-Sumayl. Pasukan gabungan itu diketuai oleh Yahyā bin al-Hurayth al-Judhāmi memandangkan bilangan tenteranya adalah lebih ramai berbanding tentera Abū al-Khattār. Pasukan tentera ini bertembung dengan tentera al-Sumayl di tebing Sungai Guadalquivir.

²⁴⁰ Hugh Kennedy(1996), *Muslim Spain and Portugal A Political History of al-Andalus*. London and New York : Longman,h.28

Walau bagaimanapun, penentangan ini akhirnya diselesaikan secara aman dengan termeterainya persetujuan antara keduanya.²⁴¹ Dalam persetujuan tersebut, Banī Mudar dan Qays bersetuju untuk memerintah secara bergilir-gilir. Dengan itu, terlantiklah Yūsuf al-Fihri sebagai Gabenor yang baru. Yahya bin Harith al-Judhami pula sekadar berpuas hati dengan mendapat kuasa pemerintahan wilayah Rayya.²⁴²

3.4 KESIMPULAN.

Sebagai kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa permusuhan dalaman dan pemberontakan yang sering berlaku di Andalus di zaman pemerintahan bergabenor ini bukan hanya melemahkan kedudukan umat Islam di Andalus malah turut membuka ruang kepada orang-orang Kristian di Utara Andalus untuk membina kekuatan bagi menjatuhkan orang-orang Islam di Andalus.²⁴³

Kurangnya penekanan kerajaan Islam terhadap aktiviti orang-orang Kristian di Asturias di bawah pimpinan Pelagius begitu jelas kerana zaman pemerintahan Pelagius adalah sama dengan zaman perluasan kuasa ketenteraan Gabenor-Gabenor Arab. Menurut al-Maqqarī dan Ibn. Hayyān, penentangan ini bermula pada zaman pemerintahan Gabenor 'Anbasa b. Suhaym al-Kalbī (103H/721M– 107H/ 726M).²⁴⁴ Pada zaman ini, Gabenor-Gabenor Arab lebih gemar melancarkan serangan terhadap

²⁴¹ S.M. Imāmuddīn (1969), *A Political History of Muslim Spain*. Pakistan: Najmah Sons, h. 46

²⁴² Mustafā Abū Dayf Ahmad (1983), *Al-Qabā'il al-'Arabiah ft Andalus hattā Suqāt al-Khilāfah al-Umawīyah*. Iskandariyah: Mua'ssasāt Shabāb al-Jāmi'ah, h.100

²⁴³ Anwar G. Chejne (1974), *Muslim Spain Its History and Culture*. Minneapolis : The University of Minnesota Press, h. 11

²⁴⁴ Charles Melville & Ahmad Ubaydli (1992), *Christians and Moors in Spain*. England : Aris & Phillips Ltd., h.18

wilayah-wilayah Perancis daripada menumpukan perhatian kepada pergerakan orang-orang Kristian di Asturias. Pengabaian orang-orang Arab kepada bahagian Asturias ini berkemungkinan disebabkan oleh kawasan Asturias yang bergunung-ganang dan menyukarkan pergerakan orang-orang Arab. Kesannya kerajaan Asturias berjaya berkembang dengan bergabung dengan Duke Cantabria di timur.²⁴⁵ Kekuatan ini akhirnya telah memberikan semangat dan dorongan untuk orang-orang Kristian memberontak menentang orang-orang Islam. Pada tahun 133H/ 750-751M, Pelagius mengalahkan orang-orang Islam dan menghalau mereka keluar dari Galicia. Selain itu, orang-orang Islam turut dihalau keluar dari Astorga. Dalam tahun 136H/ 753-754M, kedudukan orang-orang Kristian di Corida dan Merida menjadi lebih kuat sehingga memaksa orang-orang Islam di sana berhijrah ke Tangiers, Asila dan Berber Rif.²⁴⁶

Jika diperhatikan, pertelingkahan antara kaum ini mungkin merupakan kesan daripada dasar yang dibuat oleh kerajaan Banī Umayyah itu sendiri yang mengutamakan orang-orang Arab daripada bangsa-bangsa lainnya. Dengan ini, bangsa-bangsa yang lainnya tidak akan mampu mencapai kedudukan yang sama dengan orang-orang Arab walaupun mereka telah memeluk agama Islam.²⁴⁷ Hakikat ini bukan hanya mencetuskan perasaan tidak puas hati malah lebih daripada itu. Pemberontakan demi pemberontakan yang dicituskan oleh orang-orang Barbar jelas menunjukkan ketidakpuasan hati yang terpendam sekian lama. Pergolakan ini telah

²⁴⁵ Roger Collins (1983), *Early Medieval Spain*. Houndmills : Macmillan Education Ltd., h. 184-185

²⁴⁶ Charles Melville & Ahmad Ubaydli (1992), *op. cit.*, h. 121

²⁴⁷ Ahmad Mukhtār al-Abbādī (1990), *Fī al-Tārīkh al-Abbāsī wa al-Andalusī*. Beirut : Dār al-Nahdah al-'Arabīyah, h. 296.

melemahkan institusi sosial dan juga politik pada ketika itu. Belumpun selesai pergolakan Arab-Barbar, timbul pula pergolakan sesama Arab dengan kehadiran tentera-tentera Syria.

Gabenor yang dilantik silih berganti hinggalah akhirnya Yūsuf al-Fihri dilantik sebagai gabenor yang terakhir. Perlantikan Yūsuf al-Fihri dalam erti kata sebenar bukanlah merupakan penutup kepada perebutan dan pergolakan masyarakat yang telah berlaku sekian lama. Hakikatnya, perlantikan ini membuka lebih banyak ruang untuk permusuhan dan pergolakan. Kesan pergolakan masyarakat pada zaman ini begitu besar hinggalah ia mampu menyumbang kepada berakhirnya zaman pemerintahan bergabenor sebagaimana yang akan penulis cuba huraikan nanti. InsyaAllah.